



Rujukan Kami: JUPEM 18/7/2.148 ( 77 )

Tarikh: 7 Julai 2005

**Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri**

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN  
BIL. 6 TAHUN 2005**

---

**GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KERJA-KERJA  
CANTUMAN LOT KADASTER  
DARIPADA KELAS UKURAN YANG BERLAINAN**

---

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan garis panduan yang seragam bagi melicinkan pengendalian kerja-kerja cantuman lot-lot kadaster yang berlainan kelas oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Juruukur Tanah Berlesen (JTB).

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Pada masa kini ada beberapa kaedah yang tidak seragam bagi pengendalian kerja-kerja cantuman lot kadaster berdampingan di setiap JUPEM Negeri iaitu:

- (i) Jika ukuran terdahulu bagi lot-lot berkenaan pada kelas yang sama maka cantuman lot boleh dibuat secara susunan daripada nilai-nilai dari PA berkaitan tanpa tindakan kerjaluar.

- (ii) Jika lot-lot berkaitan mempunyai PA yang berlainan kelas –
  - a. ada Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri (PUPN) yang mahukan tindakan kerjaluar ukuran peningkatan ke atas lot yang kelasnya lebih rendah dibuat terlebih dahulu sebelum PA lot cantuman tersebut disediakan; dan
  - b. selain daripada itu ada PUPN yang bersedia menerima kerja cantuman lot yang bersebelahan yang berlainan kelas dengan kaedah susunan daripada PA berkaitan tanpa tindakan kerjaluar bagi garisan sempadan yang diukur dengan kelas ukuran lebih rendah.

2.2 Oleh yang demikian, bagi tujuan penyeragaman dan melicinkan pengendalian kerja-kerja cantuman lot kadaster maka satu garis panduan pengendalian kerja-kerja cantuman lot-lot kadaster yang berlainan kelas ukuran perlu disediakan.

### **3.0 GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KERJA-KERJA CANTUMAN LOT KADASTER BERLAINAN KELAS UKURAN**

PA bagi cantuman lot-lot kadaster yang bersebelahan dari kelas ukuran berlainan (kelas satu dan dua) boleh diluluskan jika kerja tersebut mematuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

- 3.1 Kelas ukuran yang lebih rendah hendaklah tidak kurang daripada ukuran kelas kedua dan semua garisan sempadan yang terlibat hendaklah terdiri daripada garisan yang diukur, dihitug atau dikira;
- 3.2 Tikaian lurus lot kadaster selepas cantuman hendaklah tidak kurang 1:4000; dan

3.3 Kaedah penyediaan PA susunan bagi cantuman lot hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan.

#### **4.0 PEMAKAIAN**

Mana-mana peruntukan yang terdapat dalam Pekeliling KPUP terdahulu yang bercanggah dengan pekeling ini, maka pekeling ini hendaklah digunakan.

#### **5.0 TARIKH BERKUATKUASA**

Pekeling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( DATO' HAMID BIN ALI )**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia.

**Salinan kepada:**

**Edaran dalaman:**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster  
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

**Edaran luaran:**

Setiausaha  
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia